



قائمت مفتي و لاله فرانسك و نوان  
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

**KEISTIMEWAAN**

**10**

**AWAL**

**ZULHIJJAH**



## MUKADIMAH

Bulan Zulhijjah merupakan bulan yang penuh dengan kelebihan khususnya pada 1 sehingga 10 Zulhijjah.

Firman Allah ﷻ di dalam Surah Al-Fajr ayat ke 2:

**Maksudnya:** *“Demi fajar dan malam yang sepuluh”*

Ibn Kathir menafsirkan mengenai malam yang sepuluh itu ialah sepuluh malam yang pertama pada Bulan Zulhijjah.

Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas رضي الله عنه, daripada Nabi ﷺ, Baginda bersabda:

**Maksudnya:** *“Tidak ada hari yang amal soleh padanya lebih dikasihi Allah selain dari hari-hari yang sepuluh ini.” Para sahabat bertanya: Walaupun berjihad di jalan Allah? Rasulullah bersabda: “Walaupun berjihad di jalan Allah, kecuali lelaki yang keluar (berjihad) membawa diri serta hartanya dan tidak kembali lagi selepas itu (mati syahid).”*

(Riwayat al-Bukhari)

Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dalam *Fath al-Bari* menyatakan antara sebab keistimewaan sepuluh hari Zulhijjah ini kerana terhimpun di dalamnya beberapa ibadat yang besar iaitu solat, puasa, sedekah dan haji. Ibadat-ibadat ini tidak pernah terhimpun pada waktu yang lain.

# AMALAN-AMALAN BAIK YANG DILAKUKAN PADA HARI-HARI 10 AWAL ZULHIJAH

## 1. Takbir, Tahlil dan Tahmid

Segala bentuk amalan yang mengingatkan kita kepada Allah ﷻ merupakan satu amalan yang sangat dituntut dengan perbanyakkan takbir (*Allahu Akbar*), tahlil (*La Ilaha Illa Allah*) dan tahmid (*Alhamdulillah*).

Hadis riwayat Abdullah bin Umar رضي الله عنه, Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:

**Maksudnya:** *“Tiada hari-hari yang lebih agung dan disukai disisi Allah untuk beramal selain 10 hari ini (10 Zulhijjah). Maka perbanyakkanlah tahlil, takbir, dan tahmid pada-Nya.”*

(Riwayat Ahmad)

## 2. Puasa Hari Arafah

Dari Abu Qatadah al-Ansari رضي الله عنه, Rasulullah ﷺ ditanya tentang puasa hari Arafah, lalu Baginda menjawab:

**Maksudnya:** *“Berpuasa pada hari Arafah akan diampuni Allah dosa setahun yang lepas dan dosa setahun yang akan datang”*

(Riwayat Muslim)

Berpuasa pada hari kesembilan Zulhijjah adalah sunat yang sangat digalakkan kerana padanya hari Arafah. Puasa ini hanyalah disunatkan untuk orang yang **TIDAK** mengerjakan haji sahaja. Manakala, bagi jemaah haji yang sedang berwukuf di Arafah tidak disunatkan berpuasa.

### 3. Melakukan Ibadah Korban pada 10 Zulhijjah (*Yaum al-Nahr*)

Sembelihan haiwan korban itu sunat dilakukan oleh orang yang berkorban dengan tangannya sendiri. Perkara ini sabit berdasarkan hadis Nabi ﷺ yang mana Baginda sendiri yang menyembelih binatang korbannya berdasarkan riwayat Anas bin Malik ﷺ:

**Maksudnya:** "Nabi ﷺ menyembelih dua ekor kibas (kambing biri-biri) yang berwarna putih yang bertanduk besar sebagai korban dengan tangannya sendiri sambil menyebut nama Allah dan bertakbir, serta Baginda meletakkan kakinya di tengkuk kibas tersebut."



(Riwayat al-Bukhari)

Namun, jika tidak dapat berbuat demikian kerana uzur dan sebagainya, maka sunat bagi orang yang berkorban untuk pergi menghadiri majlis penyembelihan bagi menyaksikan upacara tersebut.



#### 4. Larangan Memotong Kuku Dan Rambut

Apabila sudah masuk bulan Zulhijjah (1 Zulhijjah) maka disunatkan bagi orang yang ingin berkorban untuk tidak memotong rambut di kepalanya, wajahnya, atau badannya, tidak juga memotong kukunya, sehingga dia selesai menyembelih korbannya.

Hal ini berpandukan hadis yang diriwayatkan Ummu Salamah  bahawa beliau mendengar Rasulullah  bersabda:

**Maksudnya:** *“Sesiapa yang mempunyai binatang korban untuk disembelih, maka apabila terlihatnya anak bulan Zulhijjah, janganlah dia mengambil satu apa pun (memotong) daripada rambutnya, mahupun daripada kukunya sehingga dia selesai berkorban.”*

(Riwayat Muslim)

Al-Imam al-Nawawi di dalam kitabnya *al-Majmu'* menyebutkan bahawa para ulama' mazhab berbeza pendapat tentang **perbuatan memotong rambut, mencabut bulu-bulu yang ada di badan serta memotong kuku:-**

- Imam Syafie – ***makruh tanzih*** (makruh yang tidak sampai kepada haram).
- Imam Abu Hanifah dan Imam Malik – ***diharuskan*** dan ***tidak makruh***.
- Imam Ahmad – ***haram***.

## 5. Melakukan Pelbagai Amal Soleh

- Bersedekah.
- Beristighfar.
- Bertaubat.
- Membaca al-Quran.
- Menjaga lisan (percakapan).
- Berbuat baik kepada ibu bapa.
- Menunaikan solat sunat rawatib.
- Menggembirakan orang lain.

### KESIMPULAN

Terdapat banyak keistimewaan yang Allah ﷻ kurniakan kepada kita pada 10 awal Zulhijjah. Kita haruslah mengambil kesempatan 10 hari awal Zulhijjah ini untuk meningkatkan lagi amalan-amalan kita kerana ganjarannya sangat besar di sisi Allah ﷻ.

Akhir kalam, semoga Allah ﷻ memberi kita kekuatan dan petunjuk dalam melaksanakan perkara-perkara ketaatan kepada Allah ﷻ dan seterusnya melayakkan kita untuk mendapatkan syurga Firdaus yang paling tinggi di akhirat kelak.